KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	SEDA			

Semua premis kerajaan Pulau Pinang akan guna sistem solar

BUKIT MERTAJAM - Semua pejabat dan premis milik kerajaan Pulau Pinang akan menggunakan sistem solar dalam masa terdekat yang mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 40 peratus.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, langkah itu selaras dengan hasrat kerajaan negeri dalam merealisasikan agenda masyarakat rendah karbon selain menjadikan negeri itu sebagai Bandar Pintar menjelang tahun 2022.

Menurutnya, dalam keadaan dunia sedang berdepan dengan krisis perubahan iklim yang membimbangkan, kerajaan Pulau Pinang telah merangka pelbagai strategi bagi memastikan kelestarian alam dapat dijaga, negeri yang berdaya tahan, hijau dan bandar pintar yang dipacu dengan kemajuan teknologi.

"Bagi memenuhi agenda itu, kerajaan tempatan akan memastikan semua bangunan kerajaan negeri menggunakan sistem solar.

"Kita berbangga kerana Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang menggunakan kaedah ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran pembangunan projek sistem solar di kawasan tempat letak kenderaan Menara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di sini pada Ahad.



Jagdeep (tengah) mendengar penerangan mengenai pembangunan projek sistem solar di kawasan tempat letak kenderaan Menara MBSP pada Ahad.

Sinar 15.11.2021_33